

Parlimen: Suara Malaysia Lebih Didengari Jika Jadi Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB

Bernama

Jun 16, 2014

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Suara Malaysia akan lebih didengari dan mempunyai kuasa lebih besar untuk melakukan transformasi jika negara terpilih menduduki kerusi wakil tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNSC) bagi penggal 2015-2016.

Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainuddin berkata Malaysia mampu memainkan peranan lebih aktif memastikan pelaksanaan bersama dasar dan keputusan berkaitan dengan pemeliharaan keamanan dan keselamatan dunia.

"Malaysia yakin boleh jadi penyumbang dari segi kepimpinan dalam UNSC serta menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk membawa satu suara besar untuk negara kita serta negara-negara yang menyokong kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014 pada peringkat jawatankuasa dalam persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Malaysia sebelum ini menduduki kerusi itu sebanyak tiga kali iaitu pada 1965 (berkongsi dengan Czechoslovakia) dan pada 1989 hingga 1990 dan 1999-2000 di bawah kepimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada 15 Jun 2001, Malaysia mengemukakan pencalonan untuk menduduki kerusi ahli tidak tetap UNSC dan menjangkakan pengundian secara rahsia oleh ahli-ahli tidak tetap PBB pada bulan Oktober depan pada Perhimpunan Agung PBB ke-69.

Tema kempen pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap kerusi UNSC adalah 'Keamanan dan Keselamatan melalui Kesederhanaan' dan pencalonan Malaysia telah diberi perakuan oleh 10 negara anggota Asean pada 29 Sept 2013 dan Kumpulan Serantau Asia Pasifik pada 29 Jan lepas.

Malaysia perlu memastikan mendapat sekurang-kurangnya dua pertiga undi daripada 193 negara anggota PBB yang hadir dan mengundi semasa pemilihan bagi memenangi

kerusi tersebut.

Hamzah berkata pencalonan Malaysia perlu menjadi kebanggaan kerajaan mahupun parti pembangkang kerana UNSC merupakan badan keselamatan tertinggi, berprestij dan diiktiraf dunia untuk mempertahankan dan memelihara keamanan dan keselamatan dunia.

Berhubung sokongan negara besar seperti China dan Amerika Syarikat, beliau berkata: "Malaysia bukan ghairah untuk menjadi pengikut negara-negara ini. Sepatutnya pemimpin kerajaan dan pembangkang perlu bangga tentang sokongan itu.

"Ramai silap faham, sokongan Amerika Syarikat dilihat seolah-olah Malaysia akan mengikut telunjuk negara itu adalah tidak benar."

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046565>